

17/06/2003

Pemikiran Dr Mahathir wajar jadi model watak Melayu

Hashim Suboh

SEMINAR Pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianjurkan Badan Perhubungan Umno Perlis kira-kira dua minggu lalu adalah sesuatu yang amat

wajar diadakan dalam mengungkapkan penghargaan serta penghormatan kepada Perdana Menteri Malaysia keempat ini yang telah memilih untuk melepaskan jawatan di dalam kerajaan dan Umno, Oktober ini.

Sudah pasti juga dalam Perhimpunan Agung Umno Ke-57 bermula Khamis ini -

perhimpunan rasmi terakhir yang akan dihadiri Dr Mahathir selaku Perdana Menteri dan Presiden Umno - segala sanjungan, penghargaan dan penghormatan

akan diberikan kepada tokoh besar bangsa dan negara ini yang telah meletakkan asas yang jelas dan tepat dalam menentukan arah tuju bangsa Melayu dan negara bangsa Malaysia pada masa depan.

Tanpa niat untuk bernada sinis, segala bentuk ungkapan penghargaan yang

disulam dengan pelbagai bentuk pujian dan sanjungan tentunya tidak sangat

memberikan makna yang besar kepada tokoh sehebat Dr Mahathir andainya segala bentuk penghormatan itu hanya hebat dikumandangkan di Dewan Merdeka semata-mata.

Mengimbas kembali teguran Dr Mahathir sendiri dalam beberapa siri Perhimpunan Agung Umno yang lalu, beliau jelas tidak mahu dipuji secara berlebihan. Sebaliknya, sudah tentu beliau mahukan sebarang pandangan, pemikiran, idea, wawasan, tindakan, bahkan kritikan serta teguran beliau dalam pelbagai aspek dihayati, diambil berat serta diambil tindakan sewajarnya.

Sebagaimana sedia dimaklumi, Dr Mahathir telah mencetuskan pelbagai pendekatan serta dasar bagi mengangkat kemajuan bangsa Melayu, rakyat dan negara ini.

Bermula dengan konsep 'Bersih, Cekap dan Amanah', Perdana Menteri telah mengambil tindakan bagi merombak sistem nilai dan cara bekerja yang lembap dan tidak produktif.

Disusuli dengan langkah mempercepat dan menyeragamkan waktu di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta pengenalan sistem perakam waktu, Dr Mahathir memberikan isyarat yang jelas bahawa beliau mahukan suatu perubahan atau mungkin sesuai dikatakan sebagai suatu revolusi mental yang berasaskan perubahan budaya hidup selesa, leka dan terlalu berlebihan kepada budaya baru yang berasaskan kecemerlangan

Soalnya, apakah revolusi mental yang cuba dibawa dan diketengahkan oleh

Dr Mahathir ini benar-benar dihayati dan diamalkan oleh setiap daripada kita? Apakah kerugian, kehilangan serta pembaziran wang negara dalam begitu banyak kes yang membabitkan pelaksanaan projek tertentu akan terus

dan sentiasa berlaku sekiranya kita benar-benar mengamalkan prinsip yang ditegaskan oleh Dr Mahathir ini?

Tidakkah juga sebak dada dan tangisan pilu Dr Mahathir ketika mengingatkan untung nasib bangsa dalam sajak 'Perjuangan Belum Selesai, dan semasa mengingatkan ahli Umno untuk menolak politik wang menggambarkan

betapa kita masih ingkar dan derhaka dalam menerima amanat pemimpin?

Sebagai seorang pejuang atau fundamentalis Islam, Dr Mahathir tidak boleh dinilai hanya dalam konteks dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan penubuhan pelbagai institusi Islam seperti Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam semata-mata.

Seperti yang sering dilafazkannya berulang kali, beliau sentiasa menekankan perlunya umat dan negara Islam mempunyai kekuatan dari segi ilmu, sains, teknologi, ekonomi, politik mahupun dalam bidang ketenteraan

jika benar kita ingin mengangkat umat Islam sebagai pemimpin peradaban sejagat.

Betapa umat Islam akan terus dipandang rendah sekiranya yang mampu dikaitkan dengan Islam hanyalah soal kemunduran, ketinggalan, percakaran sesama Islam serta keasyikan melaungkan retorik dan slogan kosong adalah pandangan yang sentiasa konsisten dibangkitkan oleh Dr Mahathir dari semasa ke semasa.

Justeru, jika benar kita semua percaya, yakin dan berkongsi semangat yang sama dengan Dr Mahathir, kenapakah sebilangan besar daripada kita akhirnya menyerahkan tanggungjawab ini kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri-Negeri, Pejabat Mufti, Pejabat Kadi dan Jawatankuasa Masjid semata-mata?

Bukankah kita juga akhirnya yang gagal meniup serta menyebarkan perjuangan dan pemikiran Dr Mahathir ini sehingga sebilangan rakyat dengan mudah menelan segala fitnah dan cerita palsu?

Di sebalik tanggapan bahawa Dr Mahathir kononnya lebih berminat dengan projek mega dan berasaskan perindustrian, beliau sebenarnya awal-awal lagi telah memberikan penekanan terhadap perlunya sektor pertanian dan luar bandar dimajukan.

Perdana Menteri mengemukakan 'Hala Cara Baru Pembangunan Kampung Dan Luar Bandar' yang bertujuan untuk menyusun semula kampung-kampung bagi memungkinkan pengwujudan estet mini di kawasan luar bandar.

Sementara saiz ladang dan input pengeluaran dapat ditingkatkan kecekapannya, masyarakat luar bandar juga ingin dialihkan untuk membabitkan diri dalam sektor lain yang lebih menguntungkan.

Inilah yang mencetuskan pemikiran untuk membangunkan industri kampung yang pada akhirnya sekadar ditafsirkan sebagai industri kraftangan semata-mata. Terpaksalah Dr Mahathir membawa kita ke Thailand untuk mempelajari projek 'Satu Kampung Satu Produk' yang sepatutnya telah lama dikembangkan

bagi mengangkat kemajuan rakyat luar bandar.

Dengan merujuk kepada pemikiran dan dasar yang diketengahkan oleh Dr Mahathir ini bersama ratusan projek, program dan insentif seumpamanya, kita wajar bertanya kepada pegawai kerajaan dan pemimpin rakyat di kampung-kampung, kenapakah masih berlaku kemarau di lembah?

Akan mampukah kita mengubah imej kampung dan sektor luar bandar dengan wajah baru sebagaimana yang diinginkan dalam semangat Wawasan 2020 jika idea pemimpin sering disalah terjemah atau dibajai dengan semangat hangat-

hangat tahi ayam?

Dan, akan berubah jugakah taraf hidup rakyat jika makna dan tujuan perjuangan sekadar mendesak pembinaan titi atau projek menaik taraf jalan

kampung semata-mata?

Dr Mahathir juga telah berusaha gigih untuk membentuk keyakinan diri bahawa kita juga mampu melakukan apa saja yang boleh dibuat oleh bangsa dan negara lain.

Pembinaan Jambatan Pulau Pinang, Menara Berkembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Putrajaya selain mempunyai kebijaksanaannya yang tersendiri turut perlu dilihat sebagai sebuah mercu

tanda kejayaan dan keyakinan negara bangsa Malaysia yang baru.

Ditambah dengan cetusan semangat 'Malaysia Boleh' sebagaimana yang mampu

dilakukan oleh Datuk Azhar Mansor, pasukan pendakian Gunung Everest dan lain-lain individu serta pasukan, kita kini telah mampu keluar daripada sindrom rendah diri sebagai bangsa yang pernah dijajah dan tidak mampu melakukan apa-apa hatta untuk membuat sebilah jarum sekalipun!

Sekali lagi kita wajar bertanya kepada diri sendiri. Apakah kita mampu kembali menjadi penggerak zaman jika kita sendiri sering ketinggalan zaman

dalam banyak perkara? Apakah kita sanggup kembali kepada rakyat untuk memikul tugas bagi mengubah minda subsidi dan segala macam sikap negatif yang menyebabkan ribuan program dan projek yang diketengahkan daripada zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman sehinggalah ke era Dr Mahathir masih belum mendatangkan perubahan sebesar curahan masa, tenaga dan peruntukan kewangan bagi tujuan itu?

Yakinkah kita bahawa impian untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan

perindustrian Bumiputera akan mampu kita bangunkan selepas pengunduran Dr

Mahathir sedangkan untuk membina diri kita sendiri yang berdiri sebagai pemimpin pun kita masih tidak cukup yakin untuk melakukannya tanpa bantuan

kerajaan?

Sesungguhnya, catatan mengenai sumbangan jasa, pemikiran, wawasan, dasar, projek dan tindakan yang dicetus dan digerakkan oleh Dr Mahathir yang berjiwa besar dan mempunyai ketajaman intelektual yang tinggi ini adalah amat panjang dan berliku.

Sebagaimana dalam kesibukannya, beliau mampu menghasilkan sajak 'Perjuangan Belum Selesai' dan 'Melayu Mudah Lupa' yang lebih berupa amanat yang di dalamnya terkandung pandangan dan harapan, marah dan sayang, bangga dan malu, nasihat dan amaran, teguran dan panduan.

Beliau juga telah menetapkan falsafah pembangunan negara dengan jelas

melalui falsafah pembinaan Putrajaya yang menggabungkan elemen hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam.

Dengan bersandarkan kepada seluruh pengalaman kita dalam menerima kepemimpinan lebih dua dekad, tokoh dan pejuang tersohor ini perlu dihormati dan diberikan penghargaan dengan cara yang lebih menepati karektor beliau sendiri.

Kita yakin Dr Mahathir hanya menginginkan kesungguhan kita untuk menterjemahkan segala wawasannya untuk bangsa, agama, negara dan rakyat Malaysia ke alam nyata.

Beliau sudah tentu tidak mahu dikenang seperti Hang Tuah yang hanya mampu meninggalkan amanat 'Tak Melayu Hilang Di Dunia' tanpa mewariskan kekuatan yang dapat menjamin keutuhan serta kekebalan bangsa dan negara dalam setiap aspek.

Alangkah baiknya seperti disarankan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad

Muhd Taib, agar seluruh pemikiran Dr Mahathir dapat diterap bagi membentuk

karektor Melayu dan pejuang Umno yang dalam setiap degup jantung perjuangannya sentiasa senada dan seirama dengan Dr Mahathir dan insya-Allah akan diteruskan bersama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi nanti.

HASHIM SUBOH

Ahli MT Gerakan Belia 4B Malaysia